

TEKS UCAPAN MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA  
'HOW TO SUCCESSFULLY DESIGN AND IMPLEMENT MASTER PLANS  
FOR SUSTAINABLE TOURISM DEVELOPMENT'

OLEH BRIG JEN DATUK SERI PANGLIMA HJ. KAMARUZAMAN BIN HJ

AMPON

NAIB CANSELOR, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PADA 12 JULAI 2010

DI GRAND BALLROOM, 1 BORNEO, KOTA KINABALU, SABAH

MASA 9.00 PAGI

---

فَحَمْدُ اللَّهِ الَّذِي هُنَّ مُنْسَأَةً

*Assalammualaikum warahmatullahi wabatakatuh*

*Dan Salam Sejahtera*

*Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis*

1. *Yang Berhormat Dato' Sri Anifah Hj. Aman, Menteri Luar Negeri Malaysia*
2. *Yang Berhormat Datuk Masidi Manjun, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Sabah*
3. *Yang Berbahagia Datuk Victor Wee, Pengurus Tourism Malaysia*
4. *Yang Berusaha En. Zainuddin Abd. Wahab, Ketua Pengarah Islamic Tourism Centre*
5. *Para pembentang kertas kerja*
6. *Para pegawai kanan UMS*
7. *Para peserta persidangan*

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada pihak Sekretariat Persidangan dan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UMS di atas kejayaan menganjurkan Persidangan ‘How To Successfully Design And Implement Master Plans For Sustainable Tourism Development’ tahun 2010. Saya juga mengucapkan syabas kepada para peserta persidangan dari dalam dan luar negeri Sabah. Semoga persidangan ini bukan hanya dapat meningkatkan lagi ilmu dan pengetahuan yang ada berkaitan dengan bidang pelancongan, malahan ianya juga berupaya memberi pelbagai input yang berguna dalam usaha kita menyemarakkan lagi industri pelancongan negara.

Pelancongan merupakan suatu industri yang pesat berkembang. Kejayaan industri ini adalah bersifat global dimana ianya memerlukan suatu jalinan perhubungan yang merentasi sempadan, bahasa dan budaya. Untuk mencapai kecemerlangan dalam industri ini, maka semua peringkat masyarakat malah komuniti dunia adalah terlibat sama. Pihak berkuasa atau berwajib tidak terkecuali dalam memainkan peranan yang sama. Justeru, pelbagai rutin yang melibatkan aspek keselamatan, kebersihan, undang-undang dan seumpamanya pada sesebuah negeri atau negara itu perlu memenuhi piawaian pelancongan yang menarik dan selamat.

Pada masa kini, pelancongan bukan lagi dalam konteks bercuti sambil membeli belah. Elemen-elemen yang mula difokuskan oleh para pelancong adalah lebih kepada keunikan produk dan keistimewaan pakej yang ditawarkan. Sambil itu, elemen kesucian (hygiene element) produk dan persekitaran serta tahap keselamatan dan ketenteraman awam sering dijadikan penentu kepada kedatangan semula para pelancong ke sesuatu tempat. Sabah (land below the wind) merupakan sebuah negeri yang berpotensi besar dalam memenuhi citarasa seperti ini. Ini kerana fasa pelancongan di negeri ini masih lagi di peringkat awal dan banyak perkara yang boleh diperbaiki ke arah menjadi Sabah sebagai destinasi terhebat di Malaysia.

Namun demikian, penglibatan daripada pelbagai pihak dalam merealisasikan hasrat ini amatlah diperlukan. Dalam hubungan itu, UMS tampil ke hadapan seiringan dengan usaha kerajaan dalam mempromosi suatu pakej pelancongan yang menarik di Sabah khasnya dan Malaysia amnya. Usaha meningkatkan ekonomi negara menerusi industri pelancongan masih relevan direncanakan menerusi percambahan minda yang berbentuk akademik atau ilmiah. Apatah lagi dalam abad ke-21 ini, kecemerlangan semua industri yang berorientasikan komersil masih berasaskan kemajuan teknologi maklumat. UMS sebagai salah satu institusi tersohor negara mampu melengkapkan lagi misi ini dengan perkongsian kepakaran ahli akademianya dalam bidang berkaitan.

Justeru, UMS menerusi tindakan proaktif para ahli akademiknya sentiasa merencana dan melaksanakan pelbagai program berkaitan yang mampu memacu deras pembangunan ekonomi negara. Beberapa wacana dan seminar keilmuan telah diadakan di dalam mahu pun di luar kampus UMS dan UMS-KAL. Malah komitmen ini turut dikongsi bersama dengan masyarakat luar bandar dengan mengadakan program-program berorientasikan kemasyarakatan. Manifestasi UMS berterusan dengan keberlangsungan Persidangan ‘How To Successfully Design And Implement Master Plans For Sustainable Tourism Development’ pada pagi ini.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Salah satu daripada usaha membentuk kemasyuran sesebuah universiti itu ialah dengan berperanan sebagai sebuah institusi yang berakauntabiliti tinggi. Terdapat beberapa definisi mengenai akauntabiliti sesebuah universiti. Namun saya tertarik dengan definisi yang menyebut bahawa akauntabiliti pada universiti itu bermaksud ‘kerelevannya’ dapatkan kajiannya pada masa lepas dan masa depan, dan tidak hanya pada masa sekarang semata-mata. Dengan lain perkataan, kajian-kajian atau ilmu-ilmu yang disemarakkan di universiti itu adalah sentiasa berkembang dan sentiasa berkesinambungan dari suatu zaman ke zaman yang seterusnya. (*a university has a longer view. It is not about a*

*ticker tape of the day's gains and losses. It is about learning that molds a lifetime; learning that transmit the heritage of millennia; learning that shapes the future... Drew Gilpin Faust, President of Harvard University)*

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Kepesatan pembangunan industri pelancongan pada masa kini memerlukan rangka kerja panduan di peringkat strategik bagi mencapai pembangunan pelancongan mampan. Penyediaan pelan induk pelancongan perlu dirangka dengan mengambilkira atau berteraskan tiga dimensi utama iaitu kemampunan daripada segi ekonomi, alam sekitar dan sosial. Industri pelancongan yang bersifat pelbagai disiplin memerlukan pelan induk yang dapat menjadi mekanisma penting dalam menyelaraskan aktiviti pelancongan yang dijalankan oleh semua pihak berkepentingan. Sesbuah pelan induk pelancongan perlu mengambil perubahan-perubahan dan trend yang berlaku, kebolehlenturan, boleh dilaksana serta mempunyai mekanisma dalam memantau pelaksanaan pelan ini.

Tanggungjawab dalam melaksanakan agenda pembangunan pelancongan mampan bukan hanya terletak kepada pihak kerajaan semata-mata malah ia memerlukan sokongan pihak industri, NGO, penduduk tempatan serta pihak universiti termasuk Universiti Malaysia Sabah. Oleh yang demikian, pengajuran persidangan ini oleh pihak UMS dengan pengajur bersama Islamic Tourism Centre adalah merupakan manifestasi kepada komitmen menjayakan konsep pembangunan mampan di mana turut menekankan kepada aspek rangkaian dan perkongsian yang efektif.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

InsyaAllah (*With God willing and blessing*), semua usaha yang dilakukan ini akan kelak membawa hasil seperti yang diharatkannya. Untuk meneruskan

ketamadunan suatu bangsa, maka terlebih dahulu perlu diperkuuhkan ekonominya. Semoga industri pelancongan negara terus berkembang maju dan sesungguhnya, negeri Sabah berpotensi besar untuk menjadi pendahulu (leader) dalam industri ini.

Saya juga berharap semoga tuan-tuan dan puan-puan sekalian mendapat input dan manfaat berguna dengan menghadiri persidangan ini. Kepada para peserta yang datang dari luar negeri Sabah, ambillah peluang melawat dan menyaksikan sendiri keunikan dan keindahan produk berkaitan pelancongan yang terdapat di negeri ini. ***“To Love Malaysia is to Know Malaysia... to know Malaysia is to visit and get acquaintance with our friendly Malaysians in Sabah.”***

***Excellent, efficiency and effectiveness are associated with the national need to compete globally. I believe this conference will cater that mounting aspiration!***

*Thank you, wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
and “Selamat Bersidang.”*